



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Food Industries)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03-8870 4614
No. Faks : 03-8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

SEMINAR PENYELIDIKAN PERIKANAN 2021 BERTEMAKAN “REALISASI R&D KE ARAH PEMBANGUNAN HOLISTIK PERIKANAN”

PUTRAJAYA, 27 Mei -- Bertemakan “Realisasi R&D Ke Arah Pembangunan Holistik Perikanan”, Seminar Penyelidikan Perikanan 2021 menjadi platform penting mengetengahkan data-data dan hasil dapatan dari kajian yang dilakukan penyelidik dalam industri perikanan negara.

Seminar yang diadakan hari ini diadakan secara maya anjuran Jabatan Perikanan (DOF) menerusi Institut Penyelidikan Perikanan (FRI).

Seminar yang dianjurkan secara berkala sejak tahun 1988 dan tema ini bertepatan dengan kesediaan dan pencapaian yang diutamakan oleh DOF terutamanya peranan dan tanggungjawab FRI sebagai teras penyelidikan jabatan.

Pembentangan 19 kertas kajian dibuat sepenuhnya secara maya dengan 10 inovasi terbaru turut dipersembahkan menerusi tayangan video.

Pembentangan ini meliputi pembangunan baka berkualiti, keberhasilan peningkatan produktiviti ternakan, pencemaran akuatik, kesihatan dan penyakit ikan, kedamparan mamalia marin terancam, risiko dan impak kemasukan spesies asing.

Peserta yang turut sama dalam seminar ini terdiri daripada universiti, agensi penyelidikan kerajaan, pemain industri serta rakan strategik penyelidikan, Unit Perancang Ekonomi (EPU), MAFI dan Kementerian Kewangan (MOF).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dalam ucapan perasmian yang dibacakan oleh Timbalan Menteri MAFI Datuk Che Abdullah Mat Nawi pada seminar ini menyatakan sektor perikanan adalah antara bidang keutamaan dalam industri agromakanan di Malaysia.

Katanya ia menjadi lebih penting dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam memastikan kelancaran rantaian makanan dan sekuriti makanan negara, terutamanya pengeluaran hasil laut yang merupakan salah satu daripada sumber protein bagi rakyat Malaysia.

Beliau berkata ini termasuk pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk perikanan.

“Semua sedia maklum, sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan telah diletakkan di bawah perkhidmatan perlu (*essential services*) dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

“Kita masih belum lagi bebas daripada ancaman COVID-19 dan kita mesti terus memastikan kelancaran rantaian bekalan dan jaminan makanan yang mencukupi dan stabil untuk rakyat dalam apa jua keadaan,” katanya.

Pada masa sama, beliau berkata usaha penyelidikan akan terus digalakkan bagi memperkasakan hasil-hasil penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat dan industri.

Apatah lagi, katanya, penyelidikan mampu mengimbangi keperluan semasa dan menyumbang kepada pemerksaan industri secara keseluruhannya.

Tambah beliau, sasaran pengeluaran tahunan bagi akuakultur menjelang tahun 2025 telah diunjurkan sebanyak 630,000 tan metrik dengan nilai 5.2 bilion ringgit, manakala tangkapan sektor perikanan diunjurkan sebanyak 1.8 juta tan metrik dengan nilai 13 bilion ringgit.

Dalam program yang sama turut diadakan pelancaran penerbitan terbaharu (2018-2021) yang terdiri daripada buku, manual, prosedur piawai, laporan penyelidikan, jurnal dan *newsletter* oleh FRI dan ISMAT.

###

Kenyataan media ini disediakan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

27 Mei 2021 (Khamis) jam 9.30 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my